



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

FACULTY OF SOCIAL SCIENCES AND
HUMANITIES

UHS1022-73 FALSAFAH DAN ISU SEMASA

SEMESTER 1, 2020/2021

Laporan

Tajuk : Masalah Anjing Liar Berkeliaran di Kawasan Perumahan

AHLI KUMPULAN:

NAMA	NO. MATRIK	No. TELEFON
1. Lee Ming Qi	A20EC0064	012-4750891
2. Goo Ye Jui	A20EC0191	018-4040438
3. Kelvin Ee	A20EC0195	011-21584699
4. Lee Jia Xian	A20EC0200	011-20621573

DISERAHKAN KEPADA:

DR. ABDUL HALIM BIN ZULKIFLI

Kandungan

Pengenalan	3-4
Lokasi Kajian	5-8
Objektif Kajian	9
Rasional Kajian	10
Kepentingan Kajian	11
Method Kajian	12
Permasalahan Kajian	13-14
Cara Mengatasi Permasalahan Kajian	15
Dapatan dan Perbincangan Kajian	16-22
Kesimpulan	23
Rujukan	24

Pengenalan

Menurut Kamus Dewan Bahasa Melayu Edisi keempat, anjing liar dikatakan sebagai sejenis binatang atau haiwan yang menyalak. Anjing liar dibahagikan dalam dua kategori iaitu ada yang dipelihara untuk menjaga rumah dan ada yang liar dan tidak pernah dimiliki oleh sesiapa pun. Anjing liar merupakan istilah yang sering digunakan secara meluas kepada kantan yang sama ada tidak dibela jinakkan atau tidak dimiliki. Istilah ini juga merujuk kepada Anjing jalang, anjing bela jinak sebagai haiwan liar. Anjing bela jinak dikategorikan sebagai *Canis lupus dingo* yang bersifat liar sungguhpun apabila dibesarkan dalam kurungan. Mana-mana anggota yang tidak bela jinak *Canidae* dikenali sebagai "keluarga anjing", ada juga yang digelar sebagai rubah dan koyote.

Dalam meniti kehidupan pada marcapada, masalah anjing berkeliaran semakin hari semakin meluas di persekitaran Pulau Pinang. Banyak anjing liar yang berkeliaran di kawasan Pulau Pinang telah menimbulkan keresahan dalam kalangan penduduk serta mengganggu kesejahteraan hidup. Hal ini disebabkan kerana anjing liar mempunyai parasit, virus, kuman dan bakteria yang akan menjejaskan dan membahayakan kesihatan penduduk Pulau Pinang. Bukan itu sahaja, kita telah menimbulkan persoalan tentang sejauh manakah keberkesanan pengurusan anjing liar pihak berkuasa tempatan memberi kesan ke atas komuniti setempat. Adakah wujud pengurusan anjing liar yang komprehensif dan teratur di antara kerajaan negeri dan MBSP dengan masyarakat tempatan bagi mengawal populasi anjing liar. Sebagai contohnya, beberapa tapak boleh dikenal pasti untuk dijadikan sebagai penempatan sementara anjing liar yang ditangkap dan terbiar .

Lebih-lebih lagi, kita akan mengenal pasti kesan yang akan didatangkan oleh ancaman anjing luar secara menyeluruh dalam kajian luar ini. Salah satu kesan buruk yang dapat dikaji ialah anjing liar mengancam ketenteraman awam dengan menggugat keharmonian serta kesejahteraan antara jiran tetangga, melepaskan suara yang bising yang akan menjadi gangguan kepada penduduk lain yang ingin merehat pada waktu malam, pengurusan makanan (longgokan sampah sarap) dan najis yang tidak teratur menyebabkan kekotoran persekitaran. Justeru, ia akan menyebabkan isu pencemaran alam sekitar. Tamsilnya, pencemaran alam sekitar melalui najis, bulu dan menyelongkar sampah dan tong sampah yang dilakukan oleh anjing berkeliaran bagi mencari makanan demi kehidupan. Ini akan menjadikan tempat tersebut menjadi sumber

pembiakan lalat dan tikus dan sumber pembiakan anjing liar. Pengurusan yang tidak cekap sebegini akan menyebarkan penyakit berjangkit kepada manusia.

Oleh hal yang demikian, penduduk Pulau Pinang memainkan peranan yang signifikan dalam mengawal anjing liar. Kawalan tersebut merupakan tanggung jawab semua dan tidak sepatutnya membebankan kepada kementerian negeri dan MBSP. Penduduk Pulau Pinang seharusnya berganding bahu dan bersatu hati bak kata pepatah “berat sama dipikul, ringan sama dijinjing”, “bukit sama didaki, lurah sama dituruni” dalam isu ini dengan menjalankan langkah secara holistik seperti anjing jinak haruslah dilesenkan dan pemeriksaan kesihatan terjadual , membuat laporan kepada pihak majlis (MBSP) jika terdapat gangguan anjing liar.

Lokasi Kajian



Peta 1 : Negeri Pulau Pinang, Malaysia

Kajian ini telah dijalankan di negeri Pulau Pinang termasuk 5 daerah iaitu Alma, Bukit Mertajam, Perai, Georgetown, Berapit dan Nibong tebal. Hal ini kerana semua ahli kumpulan berasal dari Pulau Pinang. Dengan memilih Pulau Pinang boleh memudahkan kami apabila melaksanakan kajian luar ini.



Peta 2 : Kawasan Alma, Bukit Mertajam, Pulau Pinang.

Kawasan Alma adalah pinggir bandar di Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Kawasan Alma bersempadan dengan Jalan Kulim di utara, Jalan Kampung Baru di barat laut, laluan kereta api KTM di barat, Permatang Tinggi di selatan, Machang Bubok ke timur dan Ceruk Tok Kun di utara. Kawasan Alma merupakan salah satu bandar yang berkembang pesat dengan beberapa estet perumahan besar telah ditubuhkan di kawasan ini dan penduduk kawasan Alma semakin meningkat.



Peta 3 : Kawasan Perai, Pulau Pinang.

Perai merupakan sebuah bandar lama dan kawasan perindustrian yang penting di Pulau Pinang. Perai terletak di sebelah lebuhraya negeri Pulau Pinang sahaja. Taman Chai Leng merupakan taman bisnes yang besar di Perai. Persimpangan Perai di Lebuhraya Utara Selatan adalah persimpangan jalan utama ke Butterworth Selatan dan Bukit Mertajam dari Ipoh dan Utara.




Peta 4 : Georgetown, Pulau Pinang.

Georgetown merupakan bandar metropolitan di Pulau Pinang. George Town juga disambung dengan bot penumpang laju dan jambatan ke Seberang Perai. Georgetown berfungsi sebagai pusat perniagaan dan perdagangan tanah air. Ibu negeri ini juga merupakan bandaraya pertama di Malaysia.



Peta 5 : Berapit, Pulau Pinang.

Nama Berapit adalah datang dari nama kampungnya. Berapit mengandungi daerah di Kampong Aston, Bukit Noning, Taman Bukit Ria, Kampong Bahru, Jalan Berjaya, Taman Alma, Mutiara Indah dan Taman Tenang. Ia mengandungi pusat kediaman di sekitar Jalan Kulim dan Jalan Damai. IKBN dan IPG Kampus Seberang Perai terletak berdekatan Mengkuang, berhampiran Jalan ke Berapit.



Peta 6 : Nibong Tebal, Pulau Pinang.

Nibong Tebal adalah salah satu bandar utama di bandar Seberang Perai, Pulau Pinang, Malaysia. Terletak di tebing utara Sungai Kerian di Daerah Seberang Perai Selatan, ia adalah tempat paling selatan di Pulau Pinang. Nibong Tebal mempunyai populasi 2,045 orang pada tahun 2010. Ditubuhkan sebagai kampung pertanian, Nibong Tebal kini menempatkan industri ringan juga, termasuk salah satu pengeluar produk kertas terbesar di Malaysia. Ia juga merupakan ibu pejabat syarikat pulpa dan kertas Malaysia, Nibong Tebal Paper Mill.

Objektif Kajian

1. Mengenal pasti punca masalah anjing liar di Pulau Pinang.
2. Menganalisis kesan masalah anjing liar.
3. Mengenal pasti langkah penyelesaian masalah anjing liar.

Rasional Kajian

Tajuk kajian luar ini dipilih oleh kumpulan kami adalah disebabkan isu masalah anjing liar sentiasa dibincang oleh penduduk-penduduk Pulau Pinang. Pelbagai tindakan telah diambil oleh pihak berkuasa tetapi isu tersebut masih tidak dapat diselesaikan. Sebagai pengkaji kepada isu ini, kami bertanggungjawab untuk mengumpul data-data dan maklumat dari penduduk Pulau Pinang. Pendapat dan pandangan penduduk amat penting supaya membantu kita menyelesaikan isu ini.

Rasional kajian ini adalah untuk mewujudkan kawasan perumahan yang selesa dan harmoni di negeri Pulau Pinang. Selain itu, kajian ini dapat meningkatkan kesedaran kepada penduduk Pulau Pinang bahawa kesan buruk anjing bekeliaran. Penduduk Pulau Pinang boleh mendapatkan perhatian kerajaan dalam pengurusan masalah anjing liar melalui kajian ini.

Kepentingan Kajian

Masalah anjing liar yang berleluasa telah menjejaskan kehidupan penduduk di negeri Pulau Pinang. Oleh itu, kajian ini penting untuk mengenal pasti punca-punca masalah anjing liar yang berleluasa ini. Dengan kajian ini, kita dapat memperoleh dan mengetahui maklumat tentang sebarang punca yang menyebabkan masalah ini berlaku. Maklumat yang didapati tersebut penting dalam dijadikan sebagai sumber rujukan untuk penyelidikan dan boleh memudahkan kita dalam menganalisis masalah ini.

Selain itu, kajian ini juga penting untuk menganalisis kesan-kesan masalah anjing liar ini. Kesan-kesan yang diberikan oleh masalah ini terdiri daripada segi keselamatan, keamanan serta menjejaskan imej negeri Pulau Pinang. Contohnya, beberapa kes gigitan oleh anjing liar telah pun berlaku di Pulau Pinang. Dalam kajian ini, kami bertugas untuk mengumpul maklumat tentang kes gangguan yang dihadapi oleh penduduk setempat akibat masalah anjing liar. Dengan ini, kita boleh lebih memahami kesan-kesan buruk masalah anjing liar yang membawa kepada penduduk di Pulau Pinang.

Seterusnya, dalam kajian ini kami berusaha untuk mencari dan mengenal pasti langkah penyelesaian yang munasabah untuk masalah anjing liar yang berleluasa di Pulau Pinang. Kajian ini boleh dijadikan sebagai sumber untuk kerajaan Pulau Pinang dalam mengorak langkah pengurusan anjing liar yang teratur dan komprehensif. Hal ini amat penting supaya masalah anjing liar dapat diselesaikan dengan efektif dan sempurna demi menjamin keselamatan penduduk setempat dan menjamin imej negeri Pulau Pinang.

Method Kajian

Dalam method kajian ini, kita akan mengkaji dan menerangkan beberapa kaedah yang dijalankan dalam kajian luar ini bagi mendapat statistik yang tepat dan secara holistik. Bagi mencapai objektif kajian yang ditetapkan iaitu mengetahui punca dan langkah mengatasi masalah anjing berkeliaran di Pulau Pinang. Pelbagai kaedah telah dijalankan bagi memastikan kesulitan maklumat dan mendapat maklumat yang cukup demi kejayaan kajian luar ini.

Pada awal-awal lagi, kita telah membuka beberapa mesyuarat minit melalui aplikasi Whatsapp dan Discord bagi membincang tajuk kajian kita dengan terperinci termasuk cara mengumpul data kajian. Selepas itu, kita bersetuju untuk memilih “Masalah Anjing Berkeliaran” sebagai tajuk kita kerana kita memerhati bahawa lokasi kajian kita iaitu Pulau Pinang terbabit dalam isu ini. Persekitaran Pulau Pinang meliputi dengan banyak anjing liar yang serius. Namun, penduduk Pulau Pinang tidak memberi tumpuan dan fokus terhadap kes ini. Walaubagaimanapun, pihak MBPP telah memperuntukkan seramai RM 169,359.00 untuk menyediakan satu pusat khas yang dilengkapi dengan 60 buah kandang anjing dan 8 ruang kabin untuk pelbagai kegunaan bagi operasi IAPWA bagi merealisasikan program ini dengan lebih dinamik.

Selepas mengetahui kepentingan dan objektif kajian, kita mula mencari informasi melalui Internet dengan membaca dan menilai artikel dan berita dari surat khabar bagi mengumpul maklumat yang lebih lanjut dan tepat tentang masalah anjing berkeliaran. Hal ini disebabkan kerana masalah anjing berkeliaran bukan sahaja berlaku di tempat persekitaran lokasi kajian kita tetapi di seluruh negeri mahupun seluruh negara di dunia ini. Maka, dapatlah kita mengumpul punca dan langkah yang efektif bagi mengatasi masalah ini.

Kita tidak dapat menjalankan sesi temu bual dengan penduduk tempatan Pulau Pinang akibat pandemik Covid-19. Jadi, kita mendapatkan data daripada responden melalui Google Form. Kita telah mengagihkannya soal selidik tersebut kepada empat bahagian iaitu bahagian A demografi responden, Bahagian B Punca Masalah Anjing Berkeliaran, Bahagian C Kesan Masalah Anjing Berkeliaran dan Bahagian D Langkah Mengatasi Masalah Anjing Berkeliaran. Soal selidik kita diedarkan melalui Whatsapp dan Telegram kepada penduduk yang duduk di Pulau Pinang sahaja.

Permasalahan Kajian

Permasalahan kajian merupakan persoalan-persoalan yang mungkin timbul pada masa depan dan boleh dijadikan panduan oleh penyelidik baru. Masalah-masalah yang dihadapi ialah sebarang situasi di mana keadaan sebenar adalah berbeza daripada keadaan diharap. Permasalahan kajian ini ditentukan dan dibentuk berdasarkan masalah-masalah yang dihadapi dalam kehidupan seharian oleh ahli kumpulan kami. Setiap ahli kumpulan diminta untuk menyatakan dan menulis masalah penyelidikan yang akan dihadapi sebelum dan semasa kajian ini.

Pada masa kini, para pelajar terpaksa menjalankan sebarang tugas pelajaran melalui Internet disebabkan pandemik COVID-19. Bagi mengawal kes-kes COVID-19 di negara kita, pihak MOHE telah menghentikan sebarang PdP bersemuka. Kaedah PdP e-learning diimplimentasikan supaya para pelajar dapat meneruskan pelajaran mereka. Berikut merupakan sebarang masalah yang dihadapi oleh kumpulan kami dalam kajian ini sempena pandemik ini.

Masalah pertama ialah masalah komunikasi antara ahli kumpulan. Walaupun semua ahli kumpulan dari negeri Pulau Pinang, kami terpaksa menuntut peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan semasa MCO. Oleh itu, kami tidak dapat bersemuka untuk membuat sebarang perbincangan tentang kajian ini. Selain itu, ahli kumpulan yang berada di rumah semasa pandemik ini akan menghadapi pengaruh luar seperti tanggungjawab untuk menyiapkan tugas harian, gangguan oleh ahli keluarga dan isu-isu Internet.

Isu-isu Internet juga merupakan salah satu masalah yang kami hadapi. Liputan Internet yang sempit di rumah menyebabkan sambungan Internet amat lambat. Komunikasi antara ahli-ahli kumpulan tidak efektif dan efisien disebabkan Internet yang tidak stabil dan sering berputus semasa tempoh perbincangan kajian.

Masalah yang seterusnya ialah kekurangan responden kepada borang soal selidik disebabkan perjumpaan bersemuka dengan penduduk Pulau Pinang disekatkan semasa tempoh MCO. Kami hanya dapat mengunjungi kepada beberapa buah rumah di kawasan perumahan ahli kumpulan. Oleh itu, bilangan responden untuk menjawab soal selidik kajian ini amat terhad.

Kesimpulannya, masalah-masalah yang dinyatakan di atas merupakan permasalahan kajian ini. Melalui permasalahan kajian ini, kami telah belajar supaya tidak membuat secara tindakan secara tergesa-gesa supaya masalah yang dihadapi dapat diselesaikan dengan berkesan.

Cara Mengatasi Permasalahan Kajian

Setelah sebarang masalah-masalah kajian telah dinyatakan, kami telah berbincang dan memberi idea tentang cara-cara mengatasi bagi setiap masalah. Proses ini amat penting supaya kajian ini dapat dijalankan dengan lancar dan produktif. Berikut merupakan cara-cara penyelesaian kepada permasalahan kajian ini.

Cara untuk mengatasi masalah komunikasi antara ahli kumpulan adalah dengan menggunakan aplikasi-aplikasi sosial yang sedia ada seperti Whatsapp, Discord, Facebook, Google Meet. Semua aplikasi ini memainkan peranan yang penting untuk memudahkan proses komunikasi. Cara ini membolehkan kami untuk berinteraksi dan berbincang secara bersemuka melalui skrin komputer.

Seterusnya, bagi menyelesaikan masalah pengaruh-pengaruh luar di rumah, semua ahli kumpulan kami bersetuju untuk meluangkan masa untuk menjalankan kajian ini di kawasan tersendiri tanpa sebarang gangguan semasa tempoh perbincangan. Kami bercuba untuk mendapat kerjasama dari ahli keluarga supaya kajian ini dapat dijalankan dengan lancar.

Di samping itu, masalah capaian Internet dapat diselesaikan dengan bantuan kad SIM yang diberikan oleh pihak UTM. Dengan kad SIM ini, kami dapat mencapai Internet dengan percuma walaupun kuota yang terhad. Liputan Internet juga diperbaiki melalui cara ini.


Akhir sekali, masalah kekurangan responden kepada borang soal selidik dapat diselesaikan dengan menyediakan sebuah borang soal selidik atas talian “Google Form” lalu menyedarkan borang melalui sosial media seperti Whatsapp, Facebook Messenger, Instagram dan lain lain.

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Dalam Kajian ini kami telah menerima sebanyak 90 respons melalui “Google form” yang telah diedarkan dengan menggunakan Sosial Media seperti Whatsapp, Facebook Messenger, Instagram dan lain lain.

Demografi Responden

Jantina
90 responses




Rajah 1 : Carta Demografi Responden Mengikut Jantina

Rajah 1 di atas menunjukkan demografi responden berdasarkan 2 kategori jantina. Seramai 52 responden (57.8%) itu merupakan jantina lelaki manakala 38 orang responden (42.2%) itu jantina perempuan.

Secara kasarnya, bilangan responden yang terdiri daripada jantina lelaki dan jantina perempuan dalam soal selidik ini boleh dikatakan adalah hampir sama. Dengan ini, Bilangan jantina yang seimbang ini membolehkan data yang diperolehi adalah tidak berat sebelah terhadap

satu jantina. Hal ini amat penting kerana jantina yang berbeza mungkin mempunyai pemikiran yang berbeza.

Tempat kediaman
90 responses




Rajah 2 : Carta Demografi Responden mengikut Tempat Kediaman

Rajah 2 di atas menunjukkan demografi responden berdasarkan lima daerah tempat kediaman yang berbeza di Pulau Pinang. Daripada jumlah 90 orang responden, seramai 35 (38.9%) orang responden yang berasal dari Alma, Bukit Mertajam, 13 orang responden (14.4%) dari Seberang Prai, 18 orang responden (20%) dari Georgetown, 16 orang responden (17.8%) dari Berapit dan akhir sekali seramai 8 orang responden (8.9%) berasal dari Nibong tebal.

Dari rajah ini, kita boleh mengetahui bahawa majoriti daripada responden yang menjawab soal selidik adalah berasal dari Alma, Bukit Mertajam manakala responden yang dari Nibong tebal adalah golongan minoriti.

Adakah anjing berkeliaran di sekitar perumahan anda?

90 responses



Rajah 3 : Carta Demografi Responden yang menghadapi masalah anjing liar

Berdasarkan Rajah 3 di atas menunjukkan seramai 82 orang responden (91.1%) yang memilih “ya” dan 8 orang responden yang telah memilih “tidak” dalam soalan “Adakah anjing berkeliaran di sekitar perumahan anda?” .

Dengan dapatan kajian ini, kita boleh simpulkan bahawa masalah anjing liar telah berleluasa di negeri Pulau Pinang sebab majoriti responden mengatakan bahawa terdapat anjing berkeliaran di sekitar perumahan mereka. Oleh itu masalah anjing liar ini perlulah diselesaikan dengan segera supaya tidak lagi menjejaskan kehidupan penduduk setempat.

Kesan-Kesan Masalah Anjing Liar



Graf di atas menunjukkan kes-kes gangguan yang dihadapi dalam tempat kediaman penduduk setempat di Pulau Pinang. Menurut graf tersebut, kesan yang paling banyak dihadapi oleh responden ialah terpijak najis, sebanyak 45 responden (50%) yang bersetuju dengan pernyataan ini. Anjing liar sering membuang air besar merata-rata tempat terutamanya di hadapan pintu pagar. Dengan demikian, ramai penduduk yang terpijak atau tayar kereta yang terkena najis anjing apabila keluar dari rumah. Oleh itu, penduduk perlu membersihkan najis dari masa ke masa.

Selain itu ialah anjing liar menakutkan dan mengejar orang. Sebanyak 45 responden (50%) yang bersetuju dengan pernyataan ini. Anjing liar yang ganas sering menyalak dengan kuat pada orang yang melalui dan berkemungkinan mengejar orang tersebut. Hal ini telah menyebabkan penduduk tidak lagi berani untuk berjalan kaki di sekitar taman.

Kesan yang seterusnya ialah anjing liar tidur di depan rumah. 43 responden (47.8%) yang bersetuju dengan pernyataan ini. Anjing liar yang tidak mempunyai tempat tinggal sering tidur di pintu pagar dan menyebabkan penduduk tidak mudah untuk keluar masuk dari rumah mereka. Oleh itu, penduduk terpaksa untuk menghalau anjing di pintu pagar dan membuang masa mereka.

Selain itu ialah anjing liar bising ketika waktu malam. Sebanyak 41 responden (45.6%) yang bersetuju dengan pernyataan tersebut. Apabila tiba masa tidur, anjing-anjing liar akan menyalak dan menjejaskan kualiti tidur penduduk. Hal ini amat merunsingkan penduduk setempat kerana sering tidak mendapat tidur yang mencukupi dan akan menjejaskan prestasi mereka dalam pekerjaan atau pembelajaran.


Kesan seterusnya ialah mencederakan penduduk setempat. Sebanyak 38 responden (42.2%) yang bersetuju dengan pernyataan tersebut. Kes pencederaan oleh anjing yang kerap berlaku ialah kes gigitan anjing liar. Gigitan anjing liar bukan sahaja akan mencederakan orang tersebut, gigitan itu juga berkemungkinan membawa penyakit anjing gila. Penyakit anjing gila juga dikenali sebagai penyakit rabies, akan menyebabkan seseorang demam, sakit badan dan berkemungkinan membawa maut. Terdapat beberapa kes gigitan anjing yang telah berlaku di Pulau Pinang. Menurut berita harian, Pulau Pinang diisytihar kawasan penyakit anjing gila oleh Jabatan Kesihatan Pulau Pinang pada tahun 2015. (Muzamir, 2015)

Selain itu, sebanyak 31 responden (34.4%) yang bersetuju bahawa anjing liar menyelongkar sampah. Anjing-anjing liar yang berkelaparan akan mencari makanan di longgokan sampah. Sampah yang dibungkus juga akan dikoyakkan. Sampah sarap akan berselerak di merata-rata tempat dan mengeluarkan bau yang busuk.

Kesan terakhir ialah menjejaskan imej negeri. Sebanyak 27 responden (30%) yang bersetuju dengan pernyataan tersebut. Anjing liar yang banyak di Pulau Pinang akan memberi impresi yang buruk kepada pendatang asing. Mereka akan berasa bahawa Pulau Pinang merupakan tempat yang tidak selamat.

Punca-punca Masalah Anjing Liar

Punca Berlakunya Anjing Berkeliaran
90 responses



Punca yang paling disetujui ialah pengurusan tangkapan anjing liar yang tidak mencukupi. Sebanyak 69 responden (76.7%) yang bersetuju dengan pernyataan tersebut. Mereka berasa pihak berkenaan tidak mengambil tindakan untuk menyelesaikan masalah ini. Dengan kekurangan penangkapan, anjing liar dapat berkeliaran di sekitar taman tersebut untuk masa yang panjang.

Selain itu ialah sampah domestik haram yang menjadi makanan anjing liar. Sebanyak 62 responden (68.9%) yang bersetuju dengan pernyataan tersebut. Tindakan yang tidak bermoral ini telah menyebabkan anjing liar untuk berkumpul di taman tersebut untuk mencari makanan. Oleh itu, kita boleh sering melihat anjing-anjing mencari sisa-sisa makanan di longgokan sampah sarap.

Seterusnya ialah sikap pemilik anjing berlesen yang melepaskan anjing. Sebanyak 51 responden (56.7%) yang bersetuju dengan pernyataan tersebut. Terdapat pemilik anjing yang sering membiarkan anjing mereka untuk berkeliaran di luar rumah dan bukannya memelihara dalam rumah. Dengan demikian anjing yang tiada pantauan pemilik akan berkeliaran di sekitar taman sesuka hati mereka.

Akhirnya ialah pengetahuan yang kurang terhadap pengurusan anjing. Sebanyak 34 responden (37.8%) yang bersetuju dengan pernyataan tersebut. Terdapat penduduk yang tidak mengetahui langkah-langkah yang perlu dilakukan semasa berhadapan dengan masalah anjing berkeliaran. Hal ini juga menunjukkan bahawa kesedaran yang rendah di kalangan penduduk dalam penyelesaian masalah tersebut.

Langkah-langkah Mengatasi Masalah Anjing Liar



Langkah yang paling disetujui ialah pengurusan longgokan sampah. Sebanyak 57 responden (63.3%) yang bersetuju dengan pernyataan tersebut. Hal ini demikian kerana longgokan sampah yang dapat diurus dengan baik akan memutuskan sumber makanan anjing liar. Oleh itu, anjing liar tidak akan berkeliaran di taman yang tidak ada longgokan sampah.

Selain itu ialah penambahan operator tangkapan anjing liar. Sebanyak 57 responden (63.3%) yang bersetuju dengan pernyataan tersebut. Bilangan operator tangkapan anjing liar yang bertambah dapat mengurangkan bilangan anjing liar kerana operasi tangkapan anjing liar yang meningkat.

Seterusnya ialah memberi kesedaran kepada pemilik anjing. Sebanyak 49 responden (54.4%) yang bersetuju dengan pernyataan tersebut. Dengan demikian, pemilik anjing akan sedar bahawa membiarkan anjing mereka untuk berkeliaran di luar rumah merupakan tindakan yang tidak beretika. Oleh itu, mereka akan memantau anjing mereka di dalam rumah dan tidak membenarkan anjing mereka untuk berkeliaran di taman.

Akhirnya ialah penguatkuasaan undang-undang tentang pelesenan anjing. Sebanyak 46 responden (51.1%) yang bersetuju dengan pernyataan tersebut. Langkah tersebut dapat mengurangkan bilangan pemilik yang melanggar peraturan apabila membela anjing. Dengan demikian, pemilik yang meninggalkan anjing mereka akan dikenakan hukuman yang berat.

Kesimpulan

Tuntasnya, kawalan liar merupakan isu yang wujud sejak dahulu lagi dan kian bertambah semakin hari semakin buruk. Menurut kajian luar ini, kita mendapati banyak punca yang akan menyebabkan kelompok anjing liar berlaku. Maka, kita harap agar kajian luar ini memberi kesedaran kepada orang ramai untuk memberi tumpuan atas masalah kajian ini. Melalui kajian ini, kita dapat menambah ilmu pengetahuan berkaitan dengan punca, kesan mahupun langkah bagi mengatasi isu anjing berkeliaran. Masyarakat juga dapat meningkat kesedaran mereka terhadap isu yang sedang berlaku dalam tempat persekitaran. Hal ini demikian kerana masalah anjing berkeliaran akan mengganggu kualiti kehidupan kita. Slogan ‘HARGAILAH KEWUJUDAN MEREKA, TANGGUNG JAWAB ORANG PENANG BERSAMA-SAMA’ haruslah sering diingati dalam hati kita dalam usaha mengatasi masalah ini.

Rujukan

1. Hussain M. A. ,Apa Itu Penyataan Masalah Dalam Penyelidikan dari
<https://madeinuitm.com/apa-itu-penyataan-masalah-dalam-penyelidikan/>
2. Majlis Bandaraya Pulau Pinang, http://aduan.mbpp.gov.my/activities_bm.html
3. Muzamir, M. (2015, September 17). Berita Harian : Pulau Pinang diisytihar kawasan penyakit anjing gila. Dari
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2015/09/82604/pulau-pinang-diisytihar-kawasan-penyakit-anjing-gila-jabatan-veterinar>
4. Tan Kai Lun (2019, May 30) BILANGAN ANJING LIAR YANG SEMAKIN BERTAMBAH DALAM ASIA TENGGARA, Dari
https://medium.com/@khorqihua_9140/rencana-individu-bilangan-anjing-liar-yang-semakin-bertambah-dalam-asia-tenggara-tan-kai-lun-bd28964b1f6a
5. Patricia Gari(2018, Julai 26) Cari penyelesaian tangani masalah anjing terbiar , Dari
<https://www.utusanborneo.com.my/2018/07/26/cari-penyelesaian-tangani-masalah-anjing-terbiar>